

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : NASIONAL

151 pos PGA tingkat kawalan elak penularan Mpox

Kuala Krai: Kawalan dan pemantauan rapi di 151 pos Pasukan Gerakan Am (PGA) seluruh negara akan dipertingkatkan dalam usaha mengekang penularan cacar monyet atau Mpox di negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata kawalan akan dibuat di empat pintu masuk, manakala pemantauan sama dijalankan khusus di laluan haram sempadan negara.

"Pihak kita melihat kepada dasar dan perancangan kerajaan ke arah usaha mengelak wabak Mpox.

"Pasukan PGA melalui 151 pos yang ada seluruh negara akan pertingkatkan kawalan selaras dengan perancangan

yang diarahkan," katanya selepas merasmikan program Kampung Angkat MADANI Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Kampung Jenal, Dabong, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman, Datuk Wan Hassan Wan Ahmad dan Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhamad Zaki Harun.

Media sebelum ini melaporkan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kementeriannya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan tiada pengunjung bergejala wabak itu ketika

memasuki negara.

Empat pintu masuk utama berkenaan adalah Terminal 1 dan 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor.

Kementerian Dalam Negeri juga akan melakukan pemantauan khusus di beberapa 'laluan tikus' di sempadan negara terutama sekitar Sungai Golok, Kelantan menerusi kawalan keselamatan oleh PGA.

Dalam pada itu, Razarudin berkata pihaknya giat memantau perkembangan ajaran Millah Abraham bersama Jabatan Agama Islam seluruh negara bagi mengelakkan ajaran sesat

itu terus berkembang.

Katanya, ajaran yang difatwakan haram pada 2019 oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan itu masih terkawal dengan tangkapannya demikian tangkapan dibuat oleh beberapa kontinen negeri.

"Kesalahan berkaitan ajaran Millah Abraham ini adalah di bawah Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing namun mereka bersama PDRM sentiasa bekerjasama untuk memantau.

"Kita dapat ahlinya lebih kurang 5,000 orang dan dikesan meningkat pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dulu, mungkin kerana penggunaan internet atau media sosial bagi mengembangkan ideologi aja-

ran itu.

"Kita semua tahu ajaran ini dari Indonesia dan setakat ini ia masih terkawal, ada tangkapan di Sarawak dan kontinen lain juga," katanya.

Ajaran Millah Abraham itu menyebarkan fahaman sesat antaranya ialah ahlinya percaya sembelihan dibuat bukan ahli adalah tidak sah, selain mempercayai kewujudan nabi baharu dan mempunyai syahadah berbeza.

Mereka juga cuba menggabungkan tiga agama membabitkan Yahudi, Nasrani dan Islam, selain menghuraikan ajaran al-Quran berdasarkan fahaman sendiri tanpa berdasarkan kitab tafsir.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

250 beg darah diperlukan setiap hari tampung keperluan

Johor Bahru: Perkhidmatan Perubatan Transfusi Negeri Johor memerlukan sekurang-kurangnya 250 beg darah setiap hari bagi menampung keperluan semasa pesakit.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), Dr Mohtar Pungut, berkata pelbagai usaha dilakukan pihaknya bagi memastikan keperluan bekalan darah selamat, berkualiti dan mencukupi dapat dibekalkan kepada fasiliti kesihatan untuk kegunaan pesakit.

Katanya, menderma darah secara berterusan adalah perlu untuk memastikan simpanan stok darah semasa mencukupi dan selamat.

“Pada tahun lalu, bilangan derma darah di Hospital Sultanah Aminah (HSA) meningkat kepada 35,274 beg iaitu peningkatan sebanyak enam peratus, berbanding tahun sebelumnya.

“Pencapaian membanggakan ini adalah hasil sumbangan dan usaha sama semua pihak, penggalan kempen dan juga penderma darah yang budiman.

“Diharapkan semua pihak dapat mengekalkan usaha mereka dan menjadi pemangkin untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menderma darah secara berterusan bagi seluruh masyarakat di negara ini.

“Memandangkan tiada ubatan atau bahan sintetik yang dapat menggantikan darah sepenuhnya, keperluan transfusi darah amat diperlukan pada bila-bila masa seperti kes keemasan pendarahan ketika kema-langan atau tumpal darah ketika wanita bersalin. Pada masa sama, terdapat pesakit yang memerlukan transfusi darah secara berkala bagi kelangsungan hidup seperti pesakit talasemia dan kanser,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 peringkat HSA di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, semalam.

Dr Mohtar berkata, pusat menderma darah negeri Johor, khususnya HSA memerlukan kerjasama dan sokongan pelbagai pihak bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi.

Beliau berkata, menerusi Public Private Partnership (PPP), HSA berjaya mengoperasikan sebuah pusat derma darah statik di The Mall Midvalley Southkey di sini.

“Sokongan dan kerjasama seperti ini amat dialu-alukan sebagai nilai tambah untuk perkhidmatan transfusi yang dapat disalurkan untuk kebaikan masyarakat setempat,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL

KEKANG PENULARAN CACAR MONYET ATAU MPOX

Pertingkat kawalan di 151 pos PGA

Kuala Krai: Kawalan dan pemantauan di 151 pos Pasukan Gerakan Am (PGA) seluruh negara akan diperlakukan dalam usaha mengekang penularan cacar monyet atau Mpox di negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berbincang, kawalan rapi akan dibuat di empat pintu masuk dan pemantauan sama dijalankan khusus di laluan haram sempadan negara.

"Pihak kita melihat kepada dasar dan perancangan kerajaan ke arah usaha mengekang wabak Mpox.

"Pasukan PGA melalui 151 pos yang ada seluruh negara akan pertingkatkan kawalan selaras dengan perancangan yang diarah-

kan," katanya di Kampung Jenal, Dabong di sini, semalam sempena program Peluncuran Kampung Angkat Madani Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Media sebelum ini melaporkan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan tiada pengunjung bergejala wabak itu ketika masuki negara.

Empat pintu masuk uta-

ma adalah Terminal 1 dan 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Bangunan Sultan Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor.

KDN juga akan melakukan pemantauan khusus di 'laluan tikus' di sempadan negara terutama sekitar Sungai Golok, Kelantan menerusi kawalan keselamatan oleh PGA.

Sementara itu, Razarudin berkata, untuk Kampung Jenal yang dipilih PDRM sebagai Kampung

Angkat Madani, lapan projek dibangunkan untuk kemudahan penduduk di kampung itu.

"Antaranya menaik taraf jambatan Kampung Lalang untuk mengelakkan penduduk Kampung Jenal terputus hubungan kerana terkandas apabila banjir.

"Turut dijalankan kerja baik pulih masjid, dewan serbe guna, landskap dan tandas untuk melengkapkan pembangunan masjid Kampung Jenal yang tertaggih kerana kekurangan dana," katanya.

"Pagar kubur juga dibina bagi mengelak gangguan binatang liar kerana kedudukan kampung dikelilingi hutan, sekali gus mendatangkan ancaman kepada penduduk," katanya.

Ketua Polis Negara, Razarudin Husain

"Pasukan PGA melalui 151 pos yang ada seluruh negara akan pertingkatkan kawalan selaras dengan perancangan yang diarahkan"

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Mpox: Kawalan 151 pos ditingkatkan

Usaha kekang penularan jangkitan penyakit itu ke dalam negara

KUALA KRAI

Pasukan Gerakan Am (PGA) negara diarah meningkatkan kawalan di semua 151 pos keselamatan di bawah kendalian mereka dalam usaha mengekang penularan penyakit cacar monyet atau dikenali sebagai Mpox ke dalam negara, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Menurutnya, ketika ini empat pintu masuk utama negara yang dikawal rapi bagi tujuan mengekang penularan jangkitan penyakit itu terdiri daripada Terminal 1 dan 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Bangunan Sultan

Iskandar dan Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor.

"Sekarang ini apa yang merisaukan kita ialah jalan-jalan tikus yang dilalui mereka (individu yang dijangkiti wabak Mpox) masuk ke negara ini dan menyebarkan penyakit itu, dan kerana itulah kawalan di pos-pos PGA perlu ditingkatkan," katanya dalam sidang akbar selepas program pelancaran Kampung Angkat Madani di Kampung Jenal, Dabong, di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada PGA terlibat dengan penugasan mengekang wabak berkenaan di sempadan Malaysia-Thailand.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebelum ini mengisyiharkan Mpox sebagai kecemasan kesihatan awam global buat kali kedua dalam tempoh dua tahun berikutnya wabak itu di Republik Demokratik Congo dikesan telah merebak ke negara jiran.

Sementara itu Razarudin



Pasukan Gerakan Am (PGA) negara diarah meningkatkan kawalan di semua 151 pos keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang penularan Mpox. - Gambar hiasan

berkata, penyebaran ajaran sesat Millah Abraham dalam negara ketika ini dilihat terkawal, namun polis bersama dengan

jabatan agama Islam di negeri-negeri, tetap memantau dengan rapi perkembangannya.

"Kita dapat ajaran Millah

Abraham ini mempunyai pengikut dianggar 5,000 orang dan peningkatan jumlah pengikutnya dilihat ketara semasa tempoh pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) beberapa tahun lepas," ujarnya.

Tambahnya, dalam tempoh PKP, semasa orang ramai tidak boleh keluar rumah, penyebar ajaran berkenaan mengambil kesempatan menggunakan media sosial untuk mengembangkan ideologi mereka.

"Kita tahu bahawa ajaran ekstremisme berkenaan diasaskan oleh seorang guru dari Indonesia iaitu Ahmad Musadeq pada tahun 2012 yang mula menyebarkan ideologi sesat itu," jelasnya.

Pada 6 Ogos lepas, seramai 14 individu yang juga disyaki pengikut ajaran sesat Millah Abraham dihadapkan ke Mahkamah Rendah Syariah Batu Pahat atas pertuduhan mengingkar pihak berkuasa agama dan memiliki bahan penerbitan agama bertentangan hukum syarak. - Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Work with us, govt urged

Trade groups plead for any mpox SOP to be 'business-friendly'

By GERARD GIMINO
and TEH ATHIRA YUSOF
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: The introduction of any potential standard operating procedure (SOP) to curb the spread of mpox must be business-friendly, say groups, with many companies still recovering from the Covid-19 pandemic.

Malaysia Retailers Association president Datuk Andrew Lim Tatt Keong said any potential SOP should be implemented strictly, stressing its importance in ensuring public safety.

However, he urged for an SOP that allowed businesses to continue operating as usual.


"Malaysia has just come out of the Covid-19 pandemic and has the experience and wisdom to take immediate action when necessary."

"I am also sure the Health Ministry is working overtime to effectively handle the situation," he said when contacted.

Lim, who is the executive chairman of Gamma Group, said businesses would be ready to implement preventive measures once directed to do so.

"The memory of the lockdowns is still very fresh in our minds and we are all experienced in handling them."

"Once the call comes, we would be ready to implement them."



said Lim, who is also deputy chairman of Sogo Seibu Group.

SME Association of Malaysia secretary-general Chin Chee Seong urged the government to engage with trade associations if it is planning to impose an SOP for mpox, previously known as monkeypox.

He also echoed calls for any potential SOP to allow businesses

to continue operating.

"If there is a new SOP, quickly advise and work with us and other associations so we can disseminate the information to our members for implementation."

"The government could also advise the public further on mpox and its seriousness, and how to ensure early prevention," he said.

Chin added that SMEs (small

and medium enterprises) also cannot afford another crisis like the Covid-19 pandemic.

"If it does happen, half of the businesses may be gone."

"We are in the midst of readying ourselves for a better economy, but if another issue pops up, it will impact not only SMEs but also the country's general economy," he said.

Kuala Lumpur and Selangor Indian Chamber of Commerce and Industry president Nivas Ragavan urged the government to engage the trade fraternity if there are plans for any mpox SOP.

"Engagements allow cohesive and business-friendly procedures to be produced, resulting in a win-win situation."

"If there is ever a need for movement control orders, engage with trade associations," said Nivas, who is also the Federation of Malaysian Business Associations vice-chairman.

He also urged the government to step up border screenings, especially of inbound travellers from countries with known mpox outbreaks.


"Perhaps the MySejahtera application can also be used to track possible mpox infections."

"Our economy has been showing positive results as of late and we should take all possible precautions," he added.

Travel advisory when visiting countries with mpox cases

Before travelling

- Learn about the mpox situation in that country



While travelling

- Avoid direct contact with symptomatic individuals
- Frequently wash hands with soap and water or sanitise them regularly



Upon arrival in Malaysia

- Monitor yourself for mpox symptoms for 21 days
- If you develop symptoms, seek treatment at a nearby health facility immediately
- Inform healthcare provider of any recent travel or engaging in activities with a high-risk of mpox spreading



Source: Health Ministry
The Star graphics

S'pore, Thailand increase mpox checks on travellers

PETALING JAYA: Border screenings and inbound health passes are among the measures being taken by Singapore and Thailand following the recent spate of mpox infections in the two countries.

In Singapore, mpox screenings are done at the island nation's Changi and Seletar airports, as well as at sea checkpoints for inbound travellers and crew arriving from locations with a risk of mpox outbreaks.

Travellers with fever, rash or symptoms compatible with mpox infections will be referred for medical assessment, according to Singapore's Health Ministry.

Health advisories have also been put in place at air checkpoints for travellers to take the necessary personal precautions.

All travellers are required to report mpox-related symptoms and travel history through the SG Arrival Card.

Contact tracing is conducted for

all confirmed mpox cases. Close contacts will also be offered vaccination to reduce the risk of infection.

In Thailand, inbound travellers are also subject to screenings. Those showing suspected signs will be quarantined.

Inbound travellers must also register for the Thailand Health Pass. Cleared travellers will then receive a health card, with a specific QR code, to report possible symptoms.

On Aug 14, the World Health Organisation declared the mpox outbreak a public health emergency of international concern (PHEIC) following the upsurge of mpox, previously known as monkeypox, in the Democratic Republic of the Congo and a growing number of countries in Africa.

It also highlighted concerns over it spreading further across countries in Africa and outside the continent.

Travellers with mpox symptoms should seek medical attention immediately. They should also avoid close contact with others and practice good hygiene.

The mpox virus is transmitted mainly through sex or skin-to-skin contact. Patients usually develop flu-like symptoms and skin lesions. The disease can be fatal, with four in 100 cases leading to death.

Meanwhile, the results for all 33 suspected cases of mpox in Malaysia have been confirmed as negative, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. The Health Minister said on X that one new suspected case is awaiting confirmation while the ministry has also released guidelines for overseas travellers.

"MOH is coordinating with Malaysian embassies and missions across the world to disseminate the message so that Malaysian travellers worldwide will be able to adhere to these guidelines," he said.

Time to mainstream MySejahtera again, say experts

PETALING JAYA: The MySejahtera application should be looked into as an added layer of monitoring when it comes to mpox, say health experts.

Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said it is important to find a way to monitor those who are returning home after travelling to countries with reported mpox cases.

As mpox cases are trickier to track, she said MySejahtera could assist health authorities in finding out what places travellers have visited.

"I think downloading the app should be recommended not only to Malaysians but to tourists visiting the country with a travel history to countries with mpox cases."

"This is important as a lot of countries have confirmed cases of mpox, so we need a way to find out if those who might have travelled to the countries with

confirmed outbreaks could have had contact with positive cases," said Prof Sharifa Ezat when contacted yesterday.

MySejahtera was introduced in 2020 by the government to manage the Covid-19 outbreak. It was mainly used for tracing close contacts, self-reporting positive cases and applying for vaccination appointments.

The last reported case of mpox in Malaysia was in November last year, while the World Health Organization has declared the mpox outbreak a public health emergency of international concern (PHEIC). The Home Ministry is monitoring the country's four main entry points to assist the Health Ministry in preventing the spread of mpox, previously known as monkeypox, in Malaysia.

Prof Sharifa Ezat said it was important that if MySejahtera were to be used to monitor mpox cases, there should be a

proper announcement.

Agreeing with her was public health expert Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, who said the app must come under the purview of the Health Ministry's Disease Control Division.

Following the global unpreparedness for the Covid-19 pandemic, Malaysia must continue with strict and real-time surveillance of the mpox virus, he said.

"We need to be prepared with a basic guideline of common global outbreaks such as mpox."

"There should be a regular simulation practice with healthcare personnel and frontliners on rapid response to outbreaks," added Dr Zainal.

Universiti Putra Malaysia public health medicine expert Prof Dr Malina Osman called on the community to cooperate with authorities to self-declare if they have been exposed or are displaying mpox symptoms.

"I think self-reporting from those with possible exposure and risks would be adequate, without the need to impose a quarantine," she said.

While Malaysia is preparing for the outbreak in accordance with international guidelines, Universiti Putra Malaysia consultant clinical microbiologist Prof Dr Zamperi Sekawi emphasised that community awareness is crucial as the disease is closely linked to high-risk behaviour such as intimate relationships. He said that there is no need to quarantine people, but monitoring can be done for up to 21 days, in line with international guidelines.

Prof Zamperi also said the country's testing facilities are sufficient to monitor any mpox cases.

The incubation period of mpox is between three and 17 days, and symptoms start 5-21 days after infection. Common symptoms are fever, headache, sore throat, muscle aches, swollen lymph nodes and rash with blisters on the face, hands, feet, body, eye, mouth or genitalia.